

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

BILANGAN 3 TAHUN 2023

TARIKH : 22 MAC 2023 (RABU)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING, MPKL

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.***
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
D.S.I.S., A.M.S., P.J.K.
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
Ahli Majlis
5. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
7. **Encik Nadasan a/l Subramani**
Ahli Majlis
8. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
9. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
Ahli Majlis
10. **Puan Rahimah binti Harun**
Ahli Majlis
11. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis

12. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis
13. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis
14. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**
Ahli Majlis
15. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis
16. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis
17. **Encik Tan Keng Siang**
Ahli Majlis
18. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**
Ahli Majlis
19. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
20. **Encik Mohd Yazid bin Abd Manaf**
Ahli Majlis
21. **Puan Rashina binti Arsat**
Ahli Majlis
22. **Encik Sahnizam bin Othman**
Ahli Majlis
23. **Encik Khairul-Azam bin Saroni, A.M.S.**
Setiausaha

TURUT HADIR

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramli, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan/
Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan

3. **Encik Kamarulzaman bin Ahmad, P.J.K.**
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
4. **Puan Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. **Encik Mohd Aszzwir bin Mohd Sabiruddin**
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**
Pengarah Jabatan Landskap
7. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekutaran
10. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
12. **Encik Mohd Hazizi bin Hamdan**
Wakil Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
13. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam
14. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**
Ketua Unit Perundangan
15. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim, P.P.T.**
Ketua Unit Pusat Setempat
16. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
17. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis
2. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis
3. **Encik Kamalanathan a/l Chellappan**
Ahli Majlis

DIJEMPUT HADIR

1. **Y.B. Tuan Lau Weng San**
Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Pegawai Tadbir
2. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat
3. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
Pembantu Operasi
5. **Encik Shahril bin Sairon**
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Syamsol Herwan bin Ahmad, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan.		Makluman
2.0	UCAPAN PENGERUSI		
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:		
	2.1	Jabatan Mufti Negeri Selangor akan mengadakan cerapan anak bulan Ramadan 1444H pada petang ini, 22 Mac 2023 di Baitul Hilal Bukit Jugra, Kuala Langat.	Makluman
	2.2	Program Ihya Ramadan Bersama DYMM Sultan Selangor akan diadakan pada 3 April 2023 di Masjid Ar-Rahmah, RTB Bukit Changgang.	Makluman
	2.3	Program Ihya Ramadan MPKL akan diadakan pada 13 April 2023 di Dewan Kompleks Sukan MPKL.	Makluman
	2.4	Program Jelajah Kita Selangor Penyayang akan diadakan pada 30 April 2023 di Taman Perwira.	Makluman
	2.5	Jamuan Hari Raya MPKL akan diadakan pada 19 Mei 2023 jam 3 hingga petang di perkarangan parkir MPKL.	Makluman
	2.6	IPR (Inisiatif Pendapatan Rakyat) Malaysia Madani di bawah YB. Rafizi Ramli telah dilancarkan pada 21 Mac 2023 di Damansara Pelangi. Bagi IPR Intan, pihak PBT telah diarahkan untuk mengenalpasti tanah-tanah di bawah jajaran rentis, membuat ukur halus dan seterusnya membuat permohonan TOL kepada pihak PDT.	Makluman

3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 FEBRUARI 2023	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Tan Wee King dan disokong oleh Encik Wong Kim Loon tanpa sebarang pindaan.	
4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	4.1	- TIADA -	
5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 3 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 MAC 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.5 (m.s.10)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu berkenaan lokasi program ini diadakan kerana keputusan mesyuarat meluluskan lokasi di Dewan Kompleks Sukan MPKL tetapi program tersebut diadakan di Dewan Seri Jugra. Berkenaan keputusan mesyuarat agar pihak jabatan mendapatkan minit bebas daripada semua Ahli Majlis, beliau memaklumkan ia perlu diterangkan dengan lebih terperinci.</p> <p><i>Dimaklumkan untuk sewaan dewan, segala keputusan ditentukan oleh Tuan Yang Dipertua mengikut SOP dewan yang telah diluluskan dalam Jawatankuasa</i></p>	

		<p><i>Kewangan pada bulan Oktober 2022.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan perubahan lokasi ini dibuat selepas beliau menerima rayuan daripada UMNO Bahagian Kuala Langat untuk mengadakan program tersebut di Dewan Seri Jugra yang lebih luas.</i></p>	
	ii.	<p><u>Perkara 5.3.1 (m.s.14)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong bersetuju dengan cadangan Encik Zulkipli supaya pihak Majlis menitikberatkan keperluan dokumen sokongan Bomba bagi penyediaan alat pemadam api ketika pembaharuan lesen.</p> <p><i>Dimaklumkan untuk pembaharuan lesen, pihak jabatan membuat semakan rawak di tapak. Jika didapati premis tersebut tidak mempunyai alat pemadam api, premis tersebut akan dikenakan notis dan disekat daripada memperbaharui lesen.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong mencadangkan untuk pembaharuan lesen, pemilik premis perlu lampirkan sekali resit dan pelekat alat pemadam api di premis mereka.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta pihak JPL membuat semakan dengan Bomba berkenaan resit dan pelekat alat pemadam api.</i></p>	JPL
	iii.	<p><u>Perkara 5.4.1 (m.s.14)</u></p> <p>Beliau ingin tahu status kemajuan kerja-kerja pengubahsuaian Hotel Brisdale.</p> <p><i>Dimaklumkan kerja pengubahsuaian dijangka siap pada hujung tahun ini. Pihak Hotel Brisdale akan memberikan taklimat dalam Jawatankuasa Kewangan pada bulan Mei 2023.</i></p> <p><i>Encik Gan Yee Chin mencadangkan laporan kemajuan projek dilaporkan dalam Jawatankuasa Kewangan pada setiap bulan.</i></p>	Makluman

	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 3 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 MAC 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 3 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN 15 MAC 2023	
C		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.1 (m.s.3)</u></p> <p>Encik S. Nadasan ingin tahu status 12 jawatan kosong yang telah diiklankan baru-baru ini.</p> <p><i>Dimaklumkan pihak JKP dalam proses pemilihan peringkat pertama.</i></p>	Makluman
Q	ii.	<p><u>Perkara 4.4.2 (m.s.4)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status berkenaan pembinaan struktur pemancar telekomunikasi tanpa kelulusan di Jalan Telok Bunut.</p> <p><i>Dimaklumkan notis akan tamat pada 26 Mac 2023. Selepas tamat tempoh notis, kes ini akan dipanjangkan ke Unit Perundangan untuk tindakan selanjutnya.</i></p> <p><i>Ketua Unit Perundangan memaklumkan kes ini diletakkan di bawah Seksyen 70 (13C) Akta 133 dengan denda mahkamah sebanyak RM50,000 maksimum dan kompaun sebanyak RM25,000 maksimum.</i></p> <p><i>Pengarah OSC memaklumkan pihak DTP Solutions Sdn. Bhd. telah menghantar permohonan kelulusan dan akan dibawa ke Jawatankuasa OSC untuk mendapatkan keputusan mesyuarat.</i></p>	Makluman

		<p><i>Pengarah JPP memaklumkan mengikut garis panduan pemancar telekomunikasi, ketinggian 24 meter ke bawah tidak perlu Kebenaran Merancang. Hanya perlu permit bangunan sahaja.</i></p> <p><i>Pengarah JKB memaklumkan pihak jabatan akan membuat semakan selepas menerima permohonan dan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa OSC.</i></p> <p><i>Encik Yong Keh Chyn memaklumkan perkara ini perlu dibuat hebahan kerana menimbulkan kerisauan kepada penduduk.</i></p>	
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 3 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 MAC 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAK BILANGAN 3 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 MAC 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 6.10.2 (m.s.22)</u> Encik Gan Yee Chin memohon pemberian jongkang jongket di Dataran Banting.	JL
	5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 3 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 MAC 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Berkenaan tapak perkuburan Hindu dan Kristian di Sungai Kelambu, majlis penyerahan akan dibuat dalam	Makluman

		Jawatankuasa LIMAS pada hujung bulan ini.	
	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 3 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 MAC 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 5.4.8 (m.s.27)</u></p> <p>Berkenaan permohonan ini, Pengarah JPL memaklumkan ada menerima surat daripada pihak Kerajaan Negeri yang menyatakan untuk kilang-kilang baharu yang menggunakan sisa tempatan adalah dibenarkan. Oleh itu, permohonan lesen ini akan dibentangkan semula dalam mesyuarat akan datang.</p>	Makluman
6.0		MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:	
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 3 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 FEBRUARI 2023	
	6.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 4 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 21 FEBRUARI 2023	
	6.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

	6.2.2	<u>Perkara 1.1 (m.s.3)</u> Encik Gan Yee Chin berharap pihak pemaju dapat memastikan jalan sementara yang telah diturap berada dalam keadaan basah apabila dilalui kenderaan berat supaya habuk tidak berterbangan ke Jalan Galaksi.	Makluman
	6.2.3	<u>Perkara 4.5.2 (m.s.94)</u> Nama MPP : Encik Yong Keh Chyn dipinda kepada Puan Rahimah binti Harun.	Makluman
7.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
		Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Haridass a/l Ramasamy,	
	i.	Beliau mengucapkan Selamat Sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Tuan Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.	Makluman
	ii.	Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana dapat bersama-sama dalam Mesyuarat MPKL pada hari ini dengan baik, harmoni dengan pelbagai keputusan diambil secara bersama. Ini merupakan satu tanggungjawab yang besar terutamanya dalam membicarakan soal hal tuju dan untung nasib serta pembangunan di seluruh daerah Kuala Langat.	Makluman
	iii.	<p>Sepanjang beliau bergelar Ahli Majlis, banyak pengalaman dan perubahan yang telah beliau saksikan, terutamanya berkaitan peningkatan taraf pentadbiran dari Majlis Daerah Kuala Langat kepada Majlis Perbandaran. Beliau juga telah menyaksikan puluhan anugerah pencapaian terbaik yang telah diperolehi oleh MPKL dari pelbagai orgnisasi dan pelbagai kategori pengiktirafan.</p> <p>Namun begitu, beliau ingin mengingatkan dengan pelbagai anugerah dan sejak detik kenaikan taraf Perbandaran berkenaan, masyarakat diluar sana telah melihat MPKL dari kaca mata yang berbeza. Harapan dan impian rakyat sangat tinggi terutamanya apabila</p>	Makluman

		<p>melibatkan soal pelbagai aduan rakyat. Mungkin bagi sebahagian pihak melihat bahawa aduan-aduan rakyat seperti longkang tersumbat, pengurusan sampah yg tidak terurus, jalan berlubang dan sebagainya sebagai masalah yg sangat kecil, tetapi bagi sebahagian dari pembayar cukai dan rakyat di luar sana, ia adalah masalah yang sangat besar bagi mereka. Secara peribadi, isu aduan rakyat ini adalah perkara serta kerja yang paling utama, dan setiap aduan itu pasti ada asasnya dan tanggungjawab sebagai Pihak Berkuasa Tempatan harus dan wajib utk menyiasat dan menyelesaikan aduan-aduan berkenaan.</p>	
	iv.	<p>Tiada gunanya hasil pendapatan Majlis beratus juta ringgit, tetapi tahap keboleh selesaian aduan rakyat masih rendah. Oleh itu, beliau mencadangkan agar satu unit task force tunggal diwujudkan dengan fokus data dan input menyeluruh, sama ada di jabatan korporat atau yg setara dengannya, utk menilai secara holistik, aduan dari semua jabatan atau sumber.</p>	Makluman
	v.	<p>Pada waktu ini juga, beliau telah diberikan amanah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pelancongan Kuala Langat. Pada tanggapan beliau, sektor pelancongan di Kuala Langat adalah antara sumber ekonomi yang sangat penting menyamai sektor perindustrian dan sektor pertanian. Daerah Kuala Langat dilimpahi dengan beberapa kawasan pantai yang cantik, hutan paya bakau yang kaya dengan khazanahnya, kebudayaan orang asli Pulau Carey yang tersohor di peringkat dunia serta pelbagai tarikan baru yang menarik seperti taman tema air di Rimbau, Morib dan Pulau Carey. Semua tarikan ini memberikan petunjuk bahawa potensi yang sangat besar dan positif untuk pemantapan ekonomi rakyat di daerah ini. Oleh yang demikian, beberapa strategi baru akan dibincang dan diperhalusi didalam jawatankuasa berkenaan bagi membolehkan pengembangan menyeluruh sektor ini dengan segenap potensi yang ada.</p>	Makluman

	vi.	Di kesempatan ini juga, beliau ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pucuk pimpinan Negeri Selangor, di bawah kepimpinan YAB Dato Seri Amirudin Shari kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk memimpin Ahli-Ahli Majlis Parti Keadilan di MPKL.	Makluman
	vii.	Akhir kata, beliau memohon maaf jika ada kesilapan atau terkasar kata. Bagi beliau, ini semua adalah satu proses kehidupan yang panjang terutamanya dalam menyuarakan pelbagai isu rakyat.	Makluman
	viii.	Beliau juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan kepada semua ahli mesyuarat yang meraikannya. Semoga semua ahli mesyuarat diberikan kesihatan yang baik dan berpanjangan serta mendapat petunjuk dan kekuatan untuk terus berkhidmat kepada rakyat demi bangsa dan negara.	Makluman
8.0		UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI	
		YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Haridass a/l Ramasamy atas ucapan penangguhan pada hari ini. Beliau juga meminta pihak JKPM mengambil tindakan secepat mungkin berkenaan cadangan mentadbir aduan-aduan rakyat. Beliau memohon maaf jika ada terkasar bahasa sepanjang mempergerusikan mesyuarat ini dan berharap semoga bulan Ramadan ini membawa lebih keberkatan. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 27 Mac 2023

Disemak oleh :

.....
(KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.)

Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP - JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. JTM - JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- 13. UU - UNIT PERUNDANGAN
- 14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
- 15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
- 16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- 17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mpkl3/2023

